

MAHATHIR-TERIMA KASIH R'R'R'

1982

KUALA LUMPUR, 23 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA RAKYAT ATAS KEPERCAYAAN MEREKA KEPADA BARISAN NASIONAL UNTUK TERUS MEMEGANG TERAJU KERAJAAN NEGARA INI.

DALAM SATU TEMURAMAH KHAS YANG DISIARKAN SECARA LANGSUNG KE SELURUH NEGARA OLEH RTM, PERDANA MENTERI BERHARAP SEGALA SALAH FAHAM DAN KATA-KATA KESAT YANG DIKELUARKAN SEMASA KEMPEN DAPAT DILUPAKAN DAN TERUS BEKERJASAMA UNTUK MEMBINAKAN NEGARA.

+BAGI PIHAK SAYA, SAYA AKAN MENASIHATKAN SEMUA ANGGOTA BARISAN NASIONAL SUPAYA TIDAK MEMIKIR TENTANG TINDAK BALAS DAN SEBALIKNYA MEMIKIRKAN TENTANG CARA MANA KITA DAPAT MENGGUNAKAN SEGALA TENAGA RAKYAT KE ARAH MEMBINA SEBUAH NEGARA YANG BENAR-BENAR TERKENAL SEBAGAI NEGARA YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH,+ KATANYA.

MENJAWAB SATU PERTANYAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA CITA-CITA UNTUK MEMBENTUK SEBUAH KERAJAAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH MEMANG MENJADI MATLAMAT TETAPI, IA TIDAK DAPAT DILAKUKAN DENGAN SEKALI GUS. -- BERSAMBUNG 1010/SZ

B929

MAHATHIR-TERIMA KASIH 2 KUALA LUMPUR

+IA MENGAMBIL MASA DAN KITA HARUS MENGATURKAN LANGKAH SUPAYA IA BERKESAN BUKAN SAHAJA SEBAGAI SATU IMEJ YANG HENDAK DIPAMERKAN UNTUK RAKYAT TETAPI UNTUK SATU AMALAN SELURUH JENTERA KERAJAAN YANG AKAN DITUBUHKAN NANTI,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI PEMBENTUKAN KABINET, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH TERLALU

AWAL UNTUK BELIAU MEMIKIRKAN PERKARA ITU MEMANDANGKAN BAHAWA PILIHANRAYA PARLIMEN MASIH DIJALANKAN DI SABAH DAN SARAWAK.

WALAU BAGAIMANAPUN, BELIAU MENAMBAH BAHAWA PERUBAHAN MEMANG ADA MEMANDANGKAN BEBERAPA ORANG MENTERI TIDAK BERTANDING DI DALAM PILIHANRAYA TERSEBUT.

DATUK MUSA HITAM YANG JUGA HADIR DI TEMURAMAH TERSEBUT MENSIFATKAN KEJAYAAN BARISAN NASIONAL SEBAGAI KECEKAPAN JENTERA BARISAN NASIONAL DALAM MENYAMPAIKAN HASRATNYA UNTUK MEMBENTUKAN SATU KERAJAAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH KEPADA RAKYAT MELALUI AKHBAR DAN RTM.

SATU LAGI ASPEK YANG MENENTUKAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL IALAH KESEDARAN RAKYAT UNTUK KEMAJUAN, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA PENGARAH PENERANGAN PILIHANRAYA BARISAN NASIONAL.

- BERSAMBUNG 1012/SZ

B930

MAHATHIR-TERIMA KASIH 3 KUALA LUMPUR

+RAKYAT MAHUKAN KEMAJUAN DARI SEGI AMALI DAN SETELAH BERTAHUN-TAHUN MEMILIH WAKIL DARI PARTI-PARTI PEMBANGKANG MEREKA TIDAK MENDAPAT APA-APA KEMAJUAN,+ TAMBAH DATUK MUSA.

TAMBAHAN PULA, KATANYA, RAKYAT TIDAK LAGI TERTARIK DENGAN ISU-ISU YANG SEMATA-MATA BERASASKAN PERKAUMAN DAN KEAGAMAAN LAGI.

-- BERNAMA 1015/SZ